

**UJIAN BERTUTUR**  
**BAHAGIAN A: TAFSIRAN INDIVIDU SET 1**  
**(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan ransangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA KESIHATAN DAN KEBERSIHAN**  
**AMALAN GAYA HIDUP SIHAT**



Dalam usaha mempraktikkan gaya hidup sihat, aktiviti rekreasi dan riadah adalah antara amalan yang dapat kita lakukan. Aktiviti rekreasi didefinisikan sebagai segala kegiatan yang dilakukan pada waktu lapang untuk menyihatkan tubuh badan dan fikiran. Aktiviti ini dapat dilakukan secara berseorangan ataupun secara berkumpulan. Misalnya, aktiviti berjoging dapat kita lakukan seorang diri sama ada di trek jogging mahupun di sekitar kawasan tempat tinggal kita. Aktiviti sukan seperti **bola sepak** dan **badminton** dapat dilakukan secara berkumpulan sama ada dengan keluarga ataupun sahabat handai. Justeru itu, untuk memastikan tahap kesihatan kita sentiasa terjaga, **aktiviti senaman perlu dilakukan secara tekal** dan **kita juga perlu menjaga amalan pemakanan bagi memastikan tahap kesihatan kita sentiasa terjamin**.

1. Nyatakan aktiviti-aktiviti riadah yang dapat dilakukan secara berkumpulan berdasarkan bahan yang telah anda baca.
2. Bagaimanakah cara untuk memastikan tahap kesihatan diri sentiasa terjaga?
3. Cadangkan beberapa langkah untuk memupuk minat beriadah dalam kalangan murid yang tinggal di asrama.
4. Aktiviti-aktiviti riadah memberikan banyak faedah dalam kehidupan seharian kita. Berikan ulasan anda.

**UJIAN BERTUTUR**  
**BAHAGIAN A: TAFSIRAN INDIVIDU SET 2**  
**(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan ransangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA INTEGRITI  
RASUAH**



Rasuah ditakrifkan sebagai penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan yang diberikan kepada seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah dan diskaun. **Terdapat lebih 20000 maklumat berkaitan dengan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara tahun 2013 hingga tahun 2018.** Antara punca rasuah yang telah dikenal pasti termasuklah 80 peratus daripadanya disebabkan kegagalan pentadbiran, konflik kepentingan, kelemahan kawalan dalaman dan ketidakpatuhan serta kurang ketelusan.

1. Apakah takrifan rasuah?
2. Berapakah jumlah maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) antara tahun 2013 hingga tahun 2018?
3. Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu dilakukan bagi memastikan jenayah rasuah di negara kita dapat dihapuskan?
4. Rasuah telah memberikan kesan terhadap rakyat dan negara. Ulaskan.

**UJIAN BERTUTUR**  
**BAHAGIAN A: TAFSIRAN INDIVIDU SET 3**  
**(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan ransangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN PERIKANAN**  
**PERTANIAN DAN PENTERNAKAN**



Golongan muda semakin giat mengusahakan bidang pertanian dan penternakan kerana mereka menyedari bahawa bidang ini berpotensi untuk menjana pendapatan yang lumayan. **Antara jenis penternakan yang berpotensi menghasilkan keuntungan besar ialah penternakan lembu dan penternakan ayam kampung.** Walau bagaimanapun, pelbagai cabaran perlu dihadapi oleh mereka untuk terus bertahan dalam bidang ini. **Persediaan dari segi wang, mental, dan fizikal perlu dititikberatkan sebelum menceburi bidang pertanian dan penternakan.** Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat golongan muda yang mudah patah semangat sebelum menjadi petani atau penternak yang berjaya disebabkan sikap hangat-hangat tahi ayam yang wujud dalam diri mereka.

1. Apakah persediaan-persediaan yang perlu dititikberatkan sebelum menceburi bidang pertanian dan penternakan?
2. Nyatakan jenis-jenis penternakan yang berpotensi untuk menghasilkan keuntungan yang besar.
3. Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk memajukan bidang pertanian?
4. Para petani dan penternak lembu perlu bersedia untuk menghadapi pelbagai risiko ketika mengusahakan bidang ini. Ulaskan.

**UJIAN BERTUTUR**  
**BAHAGIAN A: TAFSIRAN INDIVIDU SET 4**  
**(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan ransangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**PERKEMBANGAN PENGGUNAAN INTERNET PASCA PANDEMIK**




Penggunaan Internet di negara kita telah meningkat dengan ketaranya pada tahun lalu impak daripada pandemik COVID-19. Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2020 mendapati **penggunaan Internet dalam kalangan rakyat berusia 15 tahun ke atas meningkat kepada 89.6 peratus pada tahun lalu** berbanding dengan 84.2 peratus pada tahun 2019. Antara aktiviti utama yang menyebabkan **peningkatan tersebut termasuklah pengguna membuat pesanan barang atau perkhidmatan secara dalam talian, mendapatkan maklumat kesihatan, menggunakan perbankan Internet, menjalani kursus tidak formal secara dalam talian, dan menjalani kursus tidak formal secara dalam talian dan menjalani kursus formal secara dalam talian.**

1. Berdasarkan kajian yang telah dijalankan, nyatakan peratus peningkatan penggunaan Internet bagi rakyat Malaysia yang berusia 15 tahun ke atas pada tahun lepas.
2. Nyatakan dua aktiviti utama yang menyebabkan peningkatan penggunaan Internet di Malaysia.
3. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang dapat diambil bagi mengatasi ketagihan murid terhadap permainan secara dalam talian?
4. Budaya membeli barang secara dalam talian telah memberikan kelebihan yang banyak kepada pengguna. Huraikan.

**UJIAN BERTUTUR**  
**BAHAGIAN A: TAFSIRAN INDIVIDU SET 5**  
**(40 MARKAH)**

Baca dan fahami bahan ransangan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang dikemukakan secara lisan dengan menggunakan ayat yang gramatis.

**TEMA KESELAMATAN**  
**FENOMENA BULI**



Buli bukan sahaja terjadi dalam kalangan murid sekolah tetapi juga berlaku dalam kalangan kanak-kanak. **Selain pengaruh rakan sebaya, tingkah laku ibu bapa juga menjadi penyumbang kepada perilaku buli.** Lantaran itu, ibu bapa perlulah mengelakkan pertelingkahan di hadapan anak-anak. **Individu yang sering dibuli mungkin akan menjadi pendendam, tidak suka bergaul dan tiada keyakinan diri. Lebih buruk lagi, individu tersebut mungkin akan menjadi pembuli apabila dia dewasa kelak.** Oleh itu, tindakan-tindakan yang sewajarnya haruslah diambil oleh setiap pihak agar tingkah laku yang negatif seperti kegiatan buli dapat dielakkan.

1. Nyatakan keadaan individu yang sering dibuli berdasarkan bahan yang telah anda baca.
2. Berikan faktor-faktor seseorang individu menjadi pembuli.
3. Pada pandangan anda, apakah tindakan-tindakan yang perlu dilakukan untuk menangani gejala buli dalam kalangan murid?
4. Buli siber semakin berleluasa pada masa ini dan memberi kesan yang mendalam kepada mangsa buli. Berikan ulasan anda.

**BAHAGIAN B**  
**TAKSIRAN KUMPULAN SET 1**  
**(30 MARKAH)**

**TEMA KERJAYA**

Persaingan untuk mendapatkan peluang pekerjaan dalam kalangan masyarakat semakin sengit. Oleh itu, keadaan tersebut memerlukan mereka membuat persediaan agar dapat bersaing dan seterusnya memperoleh pekerjaan yang diidamkan.

Bincangkan pernyataan tersebut.

**BAHAGIAN B**  
**TAKSIRAN KUMPULAN SET 2**  
**(30 MARKAH)**

**TEMA SEJARAH DAN WARISAN**

Pelbagai permainan tradisional seperti gasing, congkak, yoyo Cina dan banyak lagi warisan budaya pelbagai kaum yang menjadi kebanggaan masyarakat di Malaysia perlu dikekalkan.

Ulaskan penyataan tersebut.

**BAHAGIAN B**  
**TAKSIRAN KUMPULAN SET 3**  
**(30 MARKAH)**

**TEMA PENDIDIKAN**

Pembelajaran maya ataupun pembelajaran secara dalam talian merupakan wahana baharu dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang sesuai digunakan pada masa ini.

Bincangkan penyataan tersebut.

**BAHAGIAN B**  
**TAKSIRAN KUMPULAN SET 4**  
**(30 MARKAH)**

**TEMA PELANCONGAN**

Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menarik kedatangan pelancong sama ada pelancong asing atau pelancong tempatan ke destinasi-destinasi pelancongan yang menarik di negara kita.

Ulaskan penyataan tersebut.

**BAHAGIAN B**  
**TAKSIRAN KUMPULAN SET 5**  
**(30 MARKAH)**

**TEMA JATI DIRI, PATRIOTISME DAN KEWARGANEGARAAN**

Pelibatan golongan remaja dalam pelbagai aktiviti komuniti dan kemasyarakatan seperti aktiviti gotong-royong dan khidmat sukarela semakin kurang disebabkan pelbagai faktor.

Ulaskan penyataan tersebut.